

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan kos dan jumlah vaksin yang dibeli, kadar vaksinasi dalam negara serta bentuk tindakan perundangan dan penguatkuasaan ke atas mereka yang enggan menerima vaksin. Nyatakan bilangan kematian COVID-19 sungguhpun telah mendapat satu atau dua dos vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2021, Kerajaan telah membuat perolehan vaksin COVID-19 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM4.61 billion** dengan jumlah keseluruhan dos vaksin yang diperolehi sebanyak **87.9 juta dos**.
2. Sehingga 4 November 2021, kadar vaksinasi dalam negara adalah:
 - i) **97.8% penduduk dewasa** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **95.8% penduduk dewasa telah lengkap** menerima suntikan vaksin; dan
 - ii) **83.4% remaja berumur 12 hingga 17 tahun** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **70.2% remaja telah lengkap** menerima suntikan vaksin.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman, penerimaan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela, yang mana setiap penerima vaksin perlu menandatangani borang persetujuan sebelum menerima suntikan vaksin COVID-19. Buat masa ini masih belum ada keperluan untuk mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, tiada tindakan perundangan dan penguatkuasaan yang diambil ke atas individu yang enggan menerima vaksin.
4. Walau bagaimanapun, bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mewajibkan pengambilan vaksin melalui arahan pentadbiran, dan bermula 1 November 2021 pegawai awam yang masih belum mengambil suntikan vaksin tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Mengikut pelaporan kematian COVID-19 Kebangsaan, sehingga 26 Oktober 2021, bilangan **kematian disebabkan oleh jangkitan COVID-19** di Malaysia adalah **28,576 kematian** (iaitu pada kadar 1.16%).

6. Selain itu, **bilangan kematian mengikut status vaksinasi** berdasarkan kepada **tempoh vaksinasi lengkap** daripada tarikh **pemberian vaksin fasa pertama** di Malaysia iaitu bermula 1 April 2021 adalah seperti berikut:

- i) Belum divaksinasi: **18,121 kematian** (iaitu 67%);
- ii) Satu dos vaksinasi (bagi vaksin 2 dos): **5,290 kematian** (iaitu 19%);
- iii) Dua dos vaksinasi (kurang 14 hari): **785 kematian** (iaitu 3%); dan
- iv) Lengkap vaksinasi (termasuk jenis vaksin 1 dos): **3,028 kematian** (iaitu 12%).

7. Dalam kalangan populasi penerima 2 dos vaksinasi, kadar kematian adalah **0.016% bersamaan 160 orang bagi 1 juta populasi di Malaysia**.

Sekian, terima kasih.